



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**08 SEPTEMBER 2017 (JUMAAT)**

<b>AKHBAR</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>Utusan Kota</b>	
- Tindakan kerajaan negeri berhubung isu sampah merugikan rakyat	30
<b>Sinar Harian</b>	
- Tuntutan insurans ambil masa, perlu ikut SOP	40
- Remaja cedera dipercayai terjatuh ketika daki Bukit Tabur	40



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**08 SEPTEMBER 2017 (JUMAAT)**

Akhbar	Utusan Kota
Tajuk Berita	Tindakan kerajaan negeri berhubung isu sampah merugikan rakyat
Muka Surat	30

## Tindakan kerajaan negeri berhubung isu sampah merugikan rakyat

utusan kota  
m/s 30  
8/9/2017

**SHAH ALAM 7 Sept.** - Keputusan Kerajaan Negeri Selangor menarahkan empat pihak berkuasa tempatan (PBT) supaya tidak lagi menghantar sampah yang dikutip ke Pusat Pemindahan Sisa Pepejal di Seksyen 21, di sini hanya merugikan rakyat pada masa depan.

Penyelaras Pembangunan Persekutuan Parlimen Shah Alam, Datuk Azhari Shaari berkata, tindakan kerajaan negeri menarahkan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menghantar terus sampah yang dikutip ke tapak pelupusan di Jeram, Kuala Selangor bukan sahaja tidak praktikal tetapi turut memberi kesan buruk kepada operasi kutipan sampah terutamanya di kawasan penempatan penduduk.

Malah, arahan sedemikian tegas beliau dikhuatiri akan menyebabkan wang rakyat dibazirkan bagi menampung kos kutipan sampah yang dijangka semakin meningkat.

"Kita sedia maklum bahawa Kementerian Kesejahteraan Ban-



**Arahan terbaharu kerajaan negeri kepada PBT itu sudah tentunya akan menyulitkan lagi masalah sampah di Selangor disebabkan jarak tapak pelupusan tersebut yang jauh. Tindakan itu dijangka memberi kesan kepada kos pengangkutan serta kekerapan kutipan sampah oleh kontraktor."**

**AZHARI SHAARI**  
Penyelaras Pembangunan Persekutuan Parlimen Shah Alam

dar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah membelanjakan RM77 juta untuk membina Pusat Pemindahan Sisa Pepejal di Seksyen 21 termasuk tambahan RM2 juta untuk menaik taraf kemudahan itu bagi memastikan sistem kutipan sampah yang le-

bih efisien.

"Namun, arahan terbaharu kerajaan negeri kepada PBT itu sudah tentunya akan menyulitkan lagi masalah sampah di Selangor disebabkan jarak tapak pelupusan tersebut yang jauh. Tindakan itu dijangka memberi kesan kepada kos pengangkutan serta kekerapan kutipan sampah oleh kontraktor," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika mengadakan tinjauan ke Pusat Pemindahan Sisa Pepejal itu di sini.

Dalam pada itu, Azhari turut membidas kerajaan negeri yang cuba mempolitikkan keputusan Kementerian berkenaan tidak menyambung kontrak pengurusan pusat pemindahan sisa pepejal itu kepada Worldwide Holdings Berhad (WHB) dengan mengeluarkan arahan tersebut kepada keempat-empat PBT berkenaan.

"Saya difahamkan justifikasi Kementerian tidak menyambung kontrak WHB itu kerana pengurusan tidak memuaskan selain terdapat kerosakan dan kehilangan kemudahan termasuk komponen treler," katanya.



**AZHARI SHAARI** (dua dari kanan) mendengar taklimat daripada Pengurus Besar Bumi Segar Indah Sdn. Bhd., Soon Kam Heng (kiri), wakil operator pengendali sampah berhubung stesen pemindahan sisa pepejal Seksyen 21, Shah Alam, Selangor, semalam. - UTUSAN/ABDUL RAZAK IDRIS



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>08 SEPTEMBER 2017 (JUMAAT)</b>	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Tuntutan insurans ambil masa, perlu ikut SOP
Muka Surat	40

SH m/s 40  
8/9/2017

### Tuntutan insurans ambil masa, perlu ikut SOP

AMPANG - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) sedia maklum berhubung insiden yang menimpa seorang kanak-kanak yang cedera dipercayai terjatuh berhampiran rangka papan tanda yang dicabut oleh individu yang tidak bertanggungjawab, di sebuah padang permainan di sini, Julai lalu.

Ahli Majlis MPAJ, Mohamad Samat berkata, pihaknya telah dimaklumkan sejeurus selepas kejadian itu.

"Saya segera arahkan pembantu dan beberapa ahli jawatankuasa penduduk turun ke lokasi kejadian.

"Saya juga melawat ke rumah mangsa dan kesal atas apa yang berlaku ke atas mangsa dan akan beri perhatian serta bantuan selayaknya kepadanya," katanya.

Beliau berkata, pihaknya telah menasihatkan bapa mangsa agar membuat laporan polis seterusnya membuat tuntutan insurans awam MPAJ bagi menampung kos perubatan yang terlibat.

"Saya rakamkan setinggi-tinggi terima kasih kerana dia terus hubungi saya bila berlaku kejadian sebegini.



**MOHAMAD**

"Saya dimaklumkan tuntutan insurans keluarga mangsa masih diusahakan, cuma ambil sikit masa kerana MPAJ melalui Jabatan Undang-Undang perlu ikut prosedur operasi standard (SOP) yang agak ketat," katanya kepada *Sinar Harian*.

Sebelum ini, bapa kepada mangsa, Muhammad Khairul Amal Yusof memaklumkan anaknya menerima tujuh jahitan selepas pipinya luka dalam kejadian itu.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>08 SEPTEMBER 2017 (JUMAAT)</b>	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Remaja cedera dipercayai terjatuh ketika daki Bukit Tabur
Muka Surat	40

## Remaja cedera dipercayai terjatuh ketika daki Bukit Tabur

5th m/s 40  
8/9/2017

AMPANG - Seorang wanita cedera di kepala dipercayai terjatuh dari lereng Bukit Tabur di sini, setinggi kira-kira lima meter.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Ampang, Ariff Mohamed Kassim berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan kira-kira jam 12.34 tengah hari.

"Kita tiba ke lokasi 19 minit kemudian dan segera mencari dan menyelamatkan mangsa berusia 22 tahun itu di atas puncak bukit berkenaan," katanya.

Menurutnya, operasi itu turut dibantu oleh anggota



Anggota Bomba dan Penyelamat ketika memberi rawatan awal kepada mangsa.

polis, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Bomba Komuniti Bukit

Tabur.

"Mangsa berjaya dijumpai pada jam 1.14 pe-

tang sebelum diberi rawatan awal oleh Unit Kecemasan Perkhidmatan Penyelamat Perubatan (EMRS). Mangsa cedera pada bahagian kepala, tangan dan kaki dipercayai terjatuh dari lereng bukit setinggi lima meter," katanya kepada *Sinar Harian*.

Katanya, mangsa berjaya dibawa turun bersama pendaki lain dengan selamat.

"Mangsa kemudian dibawa ke Hospital Ampang dengan Jentera EMRS. Rakan-rakannya pula telah diserahkan kepada Jabatan Perhutanan untuk tindakan selanjutnya," katanya.